

## **AKAD DAN PEMBERIAN KUASA**

- 1) Saya/Kami mengaku dan bersetuju bahawa semua jawapan dan kenyataan yang diberikan di atas di dalam permohonan ini, bersama-sama dengan sebarang dokumen atau borang soal jawab yang berkaitan dengan permohonan ini dan sebarang jawapan dan kenyataan yang telah dibuat kepada mana-mana pegawai kesihatan, adalah penuh, lengkap dan benar. Sekiranya mana-mana jawapan atau pernyataan saya yang dibuat mengenai permohonan ini adalah tidak tepat, Sijil akan tidak sah, tuntutan saya ditolak atau dikurangkan, syarat syarat Sijil diubah, atau Sijil ditamatkan.
  
- 2) Saya/Kami sedar yang saya boleh meminta salinan Sijil Induk yang mengandungi terma-terma dan syarat-syarat Perlindungan Takaful ini dari Pemegang Sijil Induk.
  
- 3) Saya/Kami telah meneliti dan memahami sepenuhnya Helaian Pendedahan Produk yang telah diberikan kepada saya/kami mengenai Produk Takaful Keluarga yang ingin saya/kami pertai. Saya/kami memahami manfaat yang ditawarkan oleh Produk Takaful Keluarga tersebut dan berpuas hati bahawa ianya memenuhi keperluan saya/kami.
  
- 4) Saya/Kami bersetuju melantik Pengendali Takaful untuk mengendali dan melabur kedua-dua Akaun Peserta (PA) dan Dana Risiko Peserta (PRF) mengikut kepakaran Pengendali Takaful dan berlandaskan terma-terma dan syarat-syarat Sijil Induk.
  
- 5) Jika jumlah baki terkumpul di dalam PA adalah kurang dari RM 10 semasa kematangan, Saya/Kami bersetuju jumlah tersebut didermakan kepada PRF. Jumlah tersebut akan dianggap sebagai derma saya/kami kepada PRF.
  
- 6) Saya/Kami dengan ini bersetuju untuk membenarkan Pengendali Takaful memotong Yuran Wakalah (seperti yang dinyatakan dalam Ilustrasi Manfaat) daripada sumbangan yang diterima dan baki sumbangan tersebut akan diperuntukkan di dalam PA (jika berkenaan). Saya/Kami selanjutnya bersetuju bahawa semua dan/atau sebahagian sumbangan dan baki dari PA (jika berkenaan) boleh diperuntukkan ke PRF berdasarkan konsep Iltizam bi Al Tabarru', di mana sebarang Tabarru' (derma) oleh Peserta akan dianggap sebagai komitmen yang dibuat oleh Peserta. Tabarru' (derma) sebenar hanya akan berlaku sekiranya terdapat pembayaran sebarang tuntutan oleh Peserta yang layak dari PRF, kos yang berkaitan dengan tuntutan dan sebarang manfaat di bawah sijil ini. Saya/Kami juga bersetuju bahawa baki didalam PA (jika berkenaan) akan diuruskan oleh Pengendali Takaful dan keuntungan pelaburan, jika ada, akan dikongsi oleh saya/kami dan Pengendali Takaful diatas asas Mudarabah dengan perkongsian lapan puluh peratus (80%) dan dua puluh peratus (20%) masing-masing, di mana bahagian saya/kami akan dikreditkan semula ke dalam PA. Saya/Kami bersetuju bahawa pihak Pengendali Takaful akan dilantik untuk mengurus dan membuat pelaburan bagi sumbangan yang dimasukkan ke dalam PA dan PRF mengikut kepakaran Pengendali Takaful dan berlandaskan Prinsip Syariah.
  
- 7) Saya/Kami memahami bahawa lebihan di dalam PRF ditentukan secara tahunan pada

akhir Tahun Kewangan Pengendali Takaful dan akan dibayar kepada peserta yang layak pada penutupan Tahun Kewangan Pengendali Takaful. Peratusan tertentu daripada lebihan, tahap yang difikirkan sesuai oleh Pengendali Takaful akan disimpan untuk menubuhkan Rizab Kontingensi. Saya bersetuju bahawa 50% daripada jumlah lebihan itu hendaklah diberikan kepada Pengendali Takaful sebagai yuran prestasi berdasarkan kontrak Ju'alah dan baki 50% akan dibayar kepada PA. Sekiranya tiada PA yang boleh didapati, Pengendali Takaful akan memindahkan lebihan tersebut kepada akaun bank saya/kami berdasarkan maklumat perbankan yang diberikan dalam permohonan ini.

- 8) Namun demikian, sekiranya Pengendali Takaful tidak dapat menghubungi saya/kami selepas sedaya upaya berusaha untuk menghubungi saya/kami dan tiada maklumat perbankan yang diberikan oleh saya/kami di dalam permohonan ini, saya/kami dengan ini memberi kebenaran dan bersetuju bahawa Pengendali Takaful akan memindahkan bahagian lebihan saya/kami kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut sekiranya amaun lebihan tersebut bernilai RM10 dan ke atas, atau akan mendermakan bahagian lebihan saya/kami bagi apa-apa tujuan kebajikan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Pengendali Takaful sekiranya amaun lebihan tersebut bernilai bawah RM10.
  
- 9) Dengan ini saya/kami bersetuju, kebertanggungjawaban pihak Pengendali Takaful tidak akan bermula sebelum permohonan ini diluluskan oleh pihak Pengendali Takaful dan Sumbangan Takaful telah dibayar oleh saya/kami, kecuali terdapat nota perlindungan rasmi yang dikeluarkan oleh Pengendali Takaful.
  
- 10) Tiada pernyataan, maklumat atau perjanjian dibuat atau diberi oleh, atau kepada, pihak yang memohon atau melaksanakan permohonan atau kepada yang lain, yang akan mengikat Pengendali Takaful, kecuali dalam bentuk tulisan dan kemudiannya dikemukakan dan diluluskan oleh pegawai Pengendali Takaful yang diberi kuasa.
  
- 11) Saya/Kami tidak memberikan sebarang maklumat lain, kecuali yang telah disediakan di dalam permohonan ini.
  
- 12) Saya/Kami dengan ini memberi kuasa kepada sebarang pegawai perubatan, hospital, klinik, Syarikat Insurans/Pengendali Takaful, organisasi atau institusi, yang mempunyai sebarang rekod atau pengetahuan tentang saya/kami atau kesihatan saya/kami, untuk memberikannya kepada Pengendali Takaful atau wakilnya yang diberi kuasa, sebarang maklumat mengenai saya/kami yang berkaitan dengan kesihatan saya/kami, sejarah kesihatan atau sebarang hospitalisasi, nasihat, rawatan, jangkitan atau penyakit. Salinan pemberiankuasa ini adalah sah dan laku seperti salinan asal.
  
- 13) Saya/Kami sedar bahawa Saya/Kami harus memberikan jawapan yang penuh, lengkap dan tepat di dalam permohonan ini kerana kegagalan saya/kami untuk berbuat demikian boleh menyebabkan Pengendali Takaful mengelak apa-apa Sijil yang boleh dikeluarkan selaras dengan permohonan ini, menolak atau mengurangkan jumlah

sebarang tuntutan dibawah Sijil, atau menukar terma Sijil tersebut.

- 14) Saya/Kami memahami dengan sepenuhnya bahawa sebarang maklumat berkenaan dengan penyertaan saya/kami boleh dilaporkan dan saya/kami dengan ini memberi kebenaran kepada Pengendali Takaful untuk mendedahkan maklumat saya/kami kepada Bank Negara Malaysia dan/atau mana-mana pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas Pengendali Takaful , kepada syarikat-syarikat yang berkait rapat dengan Pengendali Takaful berdasarkan Seksyen 7 Akta Syarikat 2016 dan kepada pihak-pihak (termasuk syarikat-syarikat yang ada pertalian dengan Pengendali Takaful dan penanggung semula insurans/ pengendali semula takaful) yang memberi perkhidmatan kepada Pengendali Takaful atau memberi perkhidmatan kewangan atau produk/servis yang lain kepada saya/kami dan di mana akses kepada maklumat itu adalah diperlukan untuk tujuan tersebut.
  
- 15) Notis Perlindungan Data Peribadi
  - (a) Pengendali Takaful dibenarkan untuk berkongsi maklumat peribadi saya/kami (sama ada di dalam permohonan ini atau selainnya) dengan mana-mana pihak ketiga yang diberi kuasa oleh Pengendali Takaful bagi tujuan pemasaran atau penawaran sebarang produk atau perkhidmatan pemasaran kepada saya/kami. Saya/Kami boleh menarik balik kebenaran ini pada bila-bila masa dengan memberitahu Pengendali Takaful secara bertulis.
  - (b) Saya/Kami telah membaca Notis Data Peribadi Pengendali Takaful dan dengan ini memberi kebenaran untuk data peribadi saya/kami diproses mengikut Notis Data Peribadi Pengendali Takaful yang disertakan di laman web Pengendali Takaful ([www.hlmtakaful.com.my](http://www.hlmtakaful.com.my)).
  - (c) Saya/Kami dengan ini mewakili dan memberi jaminan kepada Pengendali Takaful bahawa saya/kami telah mendapat persetujuan kesemua yang dinamakan di dalam permohonan saya/kami atau apa-apa dokumen lain yang diserahkan kepada Pengendali Takaful, termasuk tetapi tidak terhad kepada benefisiari saya/kami, pengarah, pemegang saham, penandatangan yang diberi kuasa, atau pekerja ("Subjek Data Relevan"), untuk pengumpulan, pegangan dan penggunaan maklumat peribadi daripada Subjek Data Relevan mengikut Notis Data Peribadi Pengendali Takaful sebagaimana yang boleh dipinda dari semasa ke semasa.
  
- 16) Saya/Kami bersetuju untuk membayar kepada Pengendali Takaful sebarang cukai, levi, impos, duti, caj, yuran, pemotongan atau penangguhan cukai Malaysia atau negara asing yang telah atau mungkin dikenakan melalui sebarang cara pada masa terkini atau masa depan, secara langsung, atau tidak langsung, yang dikenakan oleh mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa cukai dari semasa ke semasa, termasuk, tanpa batasan pada sebarang cukai penggunaan dan cukai-cukai lain dengan apa jua nama dipanggil, dan sebarang denda atau penalti berkenaan dengannya, jika gagal, tanggungan Pengendali Takaful tidak akan bermula atau Sijil saya/kami mungkin tamat lebih awal daripada tarikh matang.
  
- 17) Saya/Kami bersetuju bahawa sekiranya berlaku Kematian, Pengendali Takaful dibenarkan untuk menolak amaun RM4,000 daripada Manfaat Kematian yang dibayar

untuk tujuan Wakaf, dan jumlah ini akan dibayar kepada Yayasan Waqaf Malaysia.

- 18) Saya/Kami juga bersetuju sekiranya berlaku keluputan/kematangan, pembatalan, serahan, kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal, saya/kami akan melepaskan hak pemilikan saya/kami terhadap baki sumbangan yang tidak digunakan yang ada di dalam PRF. Jumlah yang dilepaskan akan dianggap sebagai derma saya/kami ke dalam PRF.
- 19) Saya/Kami bersetuju, jika Tempoh Ehsan telah tamat dan bayaran sebarang Sumbangan gagal dibayar, atau sebarang amaun yang sepatutnya dibayar di bawah Sijil tersebut tidak dibayar pada tarikh yang relevan dengan sewajarnya, bahawa Pengendali Takaful dibenarkan untuk mendahulukan "sejumlah amaun yang sama dari akaun yang berkenaan" untuk membayar Tabarru' dan sebarang amaun yang terhutang oleh saya/kami dan Sijil akan terus "berkuatkuasa di bawah PA. Saya/Kami memahami yang sepanjang tempoh ini, Sijil akan terus berkuatkuasa, tetapi sekiranya sebarang Sumbangan atau amaun lain yang masih terus tidak dibayar selepas amaun dalam PA tidak mencukupi untuk didahulukan lagi, Sijil tersebut akan luput dan tidak bernilai lagi.

## **AQAD AND AUTHORISATION**

- 1) I/We hereby declare and agree that all foregoing answers given and/or statements made in this proposal together with any other document and/or questionnaire relating to this proposal and any answer given or statement made to any medical officer are full, complete and true. If any of my answers or statements made regarding this application is inaccurate, the Certificate may be avoided, my claim denied or reduced, the terms of the Certificate changed or varied, or the Certificate terminated.
  
- 2) I/We am/are aware that I/we can request a copy of the Master Certificate containing the terms and conditions of this Takaful Coverage from the Master Certificate Holder.
  
- 3) I/We have studied and fully understood the Product Disclosure Sheet which was given to me/us in respect of the Family Takaful Product that I/we am/are planning to participate. I/We am/are aware of the benefits offered by the Family Takaful Product and I/we am/are satisfied that they serve my/our needs.
  
- 4) I/We agree that the Takaful Operator is appointed to manage and invest both the Participant's Account (PA) and Participants' Risk Fund (PRF) to the expertise of the Takaful Operator and in accordance with the terms and conditions of the Master Certificate.
  
- 5) If the accumulated balance in the PA is RM 10 and below upon maturity, I/We agree that the amount shall not be payable to me/us. Such amount shall be payable to the PRF instead and be deemed as my/our donation towards PRF.
  
- 6) I/We hereby agree to allow the Takaful Operator to deduct the Wakalah Fee from the contributions received and the balance of the contribution will be allocated in the PA. I/ We further agree that the whole or a part of the contribution and/or the balance of the PA (if applicable) may be allocated into the PRF based on Iltizam bi Al-Tabarru' concept, whereby any Tabarru' (donation) by the Participant into the PRF shall constitute a commitment made by the Participant. The actual Tabarru' (donation) is deemed to have only occurred upon payment of any claims by eligible Participants of the PRF, claims-related costs or any benefits under my/our certificate. I/We further agree that the balance in the PA shall be managed by the Takaful Operator and the investment profit, if any, shall be shared by me/us and the Takaful Operator on a Mudarabah basis with shares of eighty percent (80%) and twenty percent (20%) respectively in which my/our share shall be credited back to the PA. I/We agree that the Takaful Operator is appointed to manage and invest the allocated contribution placed in the PA and PRF to the expertise of the Takaful Operator and in accordance to Shariah Principles.
  
- 7) I/We understand that the surplus in the PRF shall be determined on a yearly basis at the end of the Takaful Operator's Financial Year and payable to eligible Participants at the Takaful Operator's Financial Year End closing. A certain percentage of the

surplus, the level of which the Takaful Operator deems appropriate shall be kept aside to set up the Contingency Reserve. I/We agree that 50% of the surplus amount shall be given to the Takaful Operator as performance fee based on Ju'alah contract and the remaining 50% shall be payable to my/our PA. In the event of no PA available, the Takaful Operator shall pay the said surplus to my/our bank account based on the banking information provided by me/us in this application.

- 8) However, in the event that the Takaful Operator is unable to reach me/us after exhausting all reasonable efforts to contact me/us and there is no banking information provided by me/us in this application, I/we hereby give our consent and agree that the Takaful Operator shall transfer my/our portion of surplus to the Registrar of Unclaimed Money if the said surplus amount is RM10 and above, or donate my/our portion of surplus for any charitable purposes approved by the Shariah Committee of the Takaful Operator if the said surplus amount is below RM10.
- 9) I/We hereby agree that the accountability of the Takaful Operator does not commence until this application has been accepted by the Takaful Operator and the Takaful Contribution is paid by me/us, except as provided by any official covering note issued by the Takaful Operator.
- 10) No statement, information or agreement made or given by or to the person soliciting or taking this proposal or by or to any persons, shall be binding on the Takaful Operator, unless in writing and presented to and approved by the Takaful Operator's authorized officers.
- 11) I/We have given no other information except what is provided in this application.
- 12) I/We hereby authorize any physician, hospital, clinic, insurance company/Takaful Operator, organisation or institution, that has any records or knowledge of me/us or my/our health, to disclose to the Takaful Operator or the Takaful Operator's authorized representatives any such information about me/us with reference to my/our health, medical history or any hospitalisation, advice, treatment, disease or ailment. A photocopy of this authorization shall be effective and valid as the original.
- 13) I/We am/are aware that I/We should provide full, complete and true answers in this application as my/our failure to do so may result in the Takaful Operator avoiding any Certificate which may be issued pursuant to this proposal, rejecting or reducing the amount of any claim under such Certificate, or changing the terms of such Certificate.
- 14) I/We fully understand that information regarding my/our participation may be reported and I/we hereby give the Takaful Operator my/our consent to disclose my/our information to Bank Negara Malaysia and/or any other authority having jurisdiction over the Takaful Operator, to companies which are related to the Takaful Operator by virtue of Section 7 of the Companies Act 2016 and to parties (including the Takaful Operator's related companies and reinsurers/retakaful operators)

rendering services to the Takaful Operator or providing financial or other products/services to me/us and whose access to such information is necessary for such purpose.

**15) Notice on Personal Data Protection**

- (a) The Takaful Operator may share my/our personal information (whether in this proposal or otherwise) with any third parties authorized by the Takaful Operator for the purpose of marketing or offering of any products or marketing services to me/us. I/We can withdraw this permission at any time by notifying the Takaful Operator in writing.
- (b) I/We have read the Takaful Operator's Notice on Personal Data and hereby consent to the processing of my/our personal data in accordance with the Takaful Operator's Notice on Personal Data set out at the Takaful Operator's website ([www.hlmtakaful.com.my](http://www.hlmtakaful.com.my)).
- (c) I/We hereby represent and warrant to the Takaful Operator that I/we have obtained the consent of all persons named in my/our proposal or in such other document submitted to the Takaful Operator, including but not limited to my/our beneficiaries, directors, shareholders, authorized signatories, or employees ("Relevant Data Subjects"), for collection, holding and use of the personal information of the Relevant Data Subjects in accordance with the Takaful Operator's Notice on Personal Data as may be amended from time to time.

**16) I/We hereby agree to pay to the Takaful Operator any present or future, direct or indirect, Malaysian or foreign tax, levy, impost, duty, charge, fee, deduction or withholding of any nature, that is and may be imposed by any government or taxing authority from time to time, including, without limitation, any consumption tax and other taxes by whatever name called, and any fines or penalties in respect thereof, failing which the accountability of the Takaful Operator does not commence or my/our certificate may terminate earlier than the maturity date.**

**17) I/We hereby agree that in the event of Death, the Takaful Operator is allowed to deduct RM4,000 from the Death Benefit payable for Waqf purposes, and this amount will be remitted to Yayasan Waqaf Malaysia.**

**18) I/We further agree that in the event of expiry/maturity, termination, surrender, death or Total Permanent and Disability, I/we shall relinquish my/our right of entitlement over any remaining/unutilized portion of contribution residing in the PRF. Such remaining/unutilized amount that I/we have relinquished shall be deemed as my/our donation towards the PRF.**

**19) I/We hereby agree, if at the expiration of the Grace Period and the payment of any Contribution is in default, or any amount payable under the Certificate is not paid by the relevant due date accordingly, that the Takaful Operator is allowed to advance an "equivalent amount from the respective account" to pay for the Tabarru' and other amount owing by me/us and the Certificate will continue to be "in-force under PA". I/We further understand that during this period the Certificate shall remain in– force,**

هونج ليونغ م. س. أ. ج. تكافل



but if any Contribution or other amounts remains unpaid after the PA amount becomes insufficient to be advanced any further, the Certificate shall lapse and has no further value.